



# COVID 19 – BEKERJA DARI RUMAH?

© 23 Mac 2020



Facebook 0



Twitter 0



WhatsApp

**Coronavirus Diseases (COVID-19) dan Perintah Kawalan Pergerakan (18 – 31 Mac 2020)** yang telah diisytiharkan oleh Kerajaan Malaysia telah menyebabkan norma dan cara kerja sedia ada di kebanyakan pejabat kerajaan/swasta di seluruh dunia berubah, dan mungkin untuk selamanya.



Pandemic Covid-19 yang tercetus menyebabkan ramai pekerja memilih untuk bekerja daripada



rumah. Peningkatan drastik situasi ini memberi gambaran masalah dan juga peluang kepada aplikasi persidangan video (video conference) untuk menyerlahkan kemampuan masing-masing. Syarikat startup seperti Slack dan Zoom dan juga syarikat gergasi utama seperti Google dan Microsoft sedang memberi perkhidmatan percuma kepada pengguna untuk mengakses aplikasi persidangan video mereka.


Ber  
das  
ark  
an  
pe  
me  
rha  
tia  
n



semasa, sekiranya situasi Covid-19 ini reda dan kembali pulih,; ramai pekerja kerajaan/syarikat yang diarahkan untuk bekerja daripada rumah akan bertanya kenapa mereka perlu ke pejabat semula sedangkan mereka mampu melaksanakan tugas-tugas mereka dengan menggunakan komputer peribadi di rumah masing-masing.

### Peralatan/Aplikasi Untuk Bekerja Dari Rumah






Sumber gambar : <https://slack.com/intl/en-my/>

#### ■ Slack

- Secara mudahnya Slack ialah chat room untuk seluruh pejabat/syarikat anda, direka untuk menggantikan emel sebagai kaedah komunikasi dan perkongsian data. Slack workplace membolehkan anda mengatur komunikasi dengan saluran khusus bagi perbincangan kumpulan, dan membenarkan mesej peribadi untuk berkongsi maklumat, data dan pelbagai lagi di dalam satu platform



Sumber gambar : <https://trello.com/guide/create-a-board>

#### ■ Trello

- Trello adalah alat yang hebat untuk melakukan pengurusan projek dan pengurusan tugas. Kad Visual Kauban (menyerupai sticky notes) adalah flexible, boleh dikongsi, dan membenarkan anda merangkumkan pelbagai tugas/maklumat di dalam satu kad sahaja. Trello bukan hanya khusus untuk kerja sahaja, anda juga boleh menggunakan Trello untuk mengatur

(organize) apa sahaja, mungkin untuk sepanjang hayat anda



Sumber gambar : <https://zoom.us/home?zcid=2478>

#### ■ Zoom

- Pelbagai aplikasi persidangan video (video conference) yang terdapat di luar sana, tetapi Zoom telah mengagumkan ramai orang dengan langkah konfigurasinya yang amat mudah. Pengguna Zoom boleh memilih untuk merakam sesi, berkolaborasi projek, perkongsian data dan pelbagai lagi. Syarikat Zoom yang berpangkalan di San Jose, Carlifonia mengumumkan bahawa telah mengalihkan batas (limitation) yang terdapat pada akaun percuma bagi membolehkan pengguna menggunakan servis Zoom lebih daripada 40 minit yang telah ditetapkan sebelum ini, bersempena pandemic Covid-19.

### Artikel/Berita Terkini